

Soalan-soalan Lazim (FAQs)
Akaun Pay&Save-i ("Pay&Save") Ciri Pelbagai Mata Wang
Kemas kini terkini: 24 April 2024

TEROKAI SEMUA TOPIK

Bermula dengan Pelbagai Mata Wang.....	3
1. Apakah Ciri Pelbagai Mata Wang?.....	3
2. Apakah syarat kelayakan untuk mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang?.....	3
3. Berapakah jumlah minimum untuk membuka Pay&Save dan mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang?	3
4. Di manakah saya boleh membuka Pay&Save?.....	3
5. Apakah 12 mata wang yang disokong oleh Ciri Pelbagai Mata Wang?	3
6. Adakah Ciri Pelbagai Mata Wang dilindungi di bawah PIDM?	3
Mengurus akaun anda.....	3
7. Bagaimanakah cara untuk mengaktifkan atau menambah nilai Ciri Pelbagai Mata Wang dalam Pay&Save?.....	3
8. Adakah terdapat had penukaran mata wang asing dalam Pay&Save?.....	4
9. Apakah kadar pertukaran asing untuk menukar MYR saya kepada mata wang asing?.....	4
10. Bagaimanakah cara saya mengawasi simpanan mata wang asing saya dalam Pay&Save saya?.....	4
11. Adakah saya akan mendapat nombor akaun yang berbeza jika saya mempunyai lebih daripada 1 mata wang asing dalam Pay&Save saya?	4
12. Mengapa saya tidak boleh menukar MYR kepada mata wang asing apabila saya mempunyai Pay&Save?.....	4
Mengurus kad anda.....	4
13. Saya akan melancong ke luar negara. Apakah yang perlu saya lakukan untuk perjalanan Kad Debit yang lancar?	4
14. Bagaimana cara untuk menyekat kad debit saya dengan segera apabila ia hilang atau dicuri?	5
Berbelanja dengan kad debit di luar negara	5
15. Bolehkah saya membayar dengan mata wang asing menggunakan Kad Debit saya?.....	5
16. Adakah sebarang caj akan dikenakan jika saya berbelanja dalam mata wang asing menggunakan Kad Debit saya?	5
17. Mengapa saya tidak dapat melihat sejarah transaksi yang baru saya buat dalam mata wang asing?.....	5
18. Isu dengan had transaksi: Saya menerima mesej yang memberitahu saya bahawa transaksi ditolak "disebabkan melebihi had". Apa yang boleh saya lakukan?.....	5
19. Jika saya mempunyai mata wang CNH, bolehkah saya mengeluarkan dan membelanjakan wang tersebut semasa saya berada di Tanah Besar China?	6
20. Bolehkah saya menggunakan Perbankan Mudah Alih HLB Connect untuk Pembayaran QR di Thailand dan Singapura?	6
Mengeluarkan mata wang asing dengan Kad Debit.....	6
21. Bolehkah saya mengeluarkan mata wang asing secara tunai semasa saya berada di luar	

negara?	6
22. Adakah sebarang fi & caj dikenakan untuk pengeluaran atm di luar negara?	6
23. Bolehkah saya mengeluarkan mata wang asing secara tunai daripada ATM di Malaysia?	6
24. Apakah had pengeluaran ATM saya?	6
Menghantar/menerima/memindahkan mata wang asing	6
25. Bolehkah saya menerima mata wang asing ke dalam Pay&Save saya?	6
26. Bolehkah saya menghantar mata wang asing ke dalam akaun luar negara?	7
27. Bolehkah saya menandatangani cek mata wang asing ke dalam Pay&Save saya tanpa sebarang penukaran?	7
28. Bolehkah saya memindahkan simpanan mata wang asing Pay&Save saya ke akaun lain?.....	7

Bermula dengan Pelbagai Mata Wang

1. Apakah Ciri Pelbagai Mata Wang?

Ciri Pelbagai Mata Wang ialah ciri yang membolehkan anda mempunyai MYR dan dua belas (12) mata wang asing dalam SATU Pay&Save.

2. Apakah syarat kelayakan untuk mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang?

Individu berumur 18 tahun ke atas, pemastautin dan bukan pemastautin, yang mempunyai Pay&Save. Pemegang akaun bersama dan Pemilik Tunggal tidak layak untuk Ciri Pelbagai Mata Wang.

3. Berapakah jumlah minimum untuk membuka Pay&Save dan mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang?

Deposit minimum sebanyak RM50 diperlukan untuk memulakan Pay&Save. Untuk mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang, cuma tukarkan sebarang amaun kepada mata wang asing (Lihat [Item 7](#) untuk panduan langkah demi langkah).

4. Di manakah saya boleh membuka Pay&Save?

Pay&Save boleh dibuka di mana-mana cawangan HLB/HLISB di seluruh negara, dalam talian melalui aplikasi mudah alih Apply@HLB ATAU anda boleh membuat temu janji melalui laman sesawang kami dan Pengurus Perhubungan Deposit kami yang tersedia di kawasan anda akan membantu anda.

5. Apakah 12 mata wang yang disokong oleh Ciri Pelbagai Mata Wang?

a. Australian Dollar (AUD)	g. Japanese Yen (JPY)
b. Canadian Dollar (CAD)	h. New Zealand Dollar (NZD)
c. Chinese Yuan (CNH)	i. Saudi Arabian Riyal (SAR)
d. Euro (EUR)	j. Singapore Dollar (SGD)
e. Pound Sterling (GBP)	k. Thai Baht (THB)
f. Hong Kong Dollar (HKD)	l. US Dollar (USD)

6. Adakah Ciri Pelbagai Mata Wang dilindungi di bawah PIDM?

Ciri Pelbagai Mata Wang ialah ciri dalam Pay&Save dan Pay&Save dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit.

Mengurus akaun anda

7. Bagaimanakah cara untuk mengaktifkan atau menambah nilai Ciri Pelbagai Mata Wang dalam Pay&Save?

Ciri Pelbagai Mata Wang akan diaktifkan sebaik sahaja anda menukar sebarang amaun daripada Pay&Save anda kepada mana-mana mata wang asing. Penukaran boleh dilakukan melalui mana-mana cawangan HLB/HLISB atau layan diri melalui Perbankan Dalam Talian HLB Connect atau Perbankan Mudah Alih HLB Connect ("**HLB Connect**"). Untuk menyimpan dalam mata wang asing:

Langkah 1: Log masuk ke **Perbankan Mudah Alih HLB Connect** dan klik pada **Menu**, kemudian klik pada **Deposit Mata Wang Asing**

Langkah 2: Pilih mata wang yang anda ingin tukar dan masukkan amaun

Langkah 3: Ikut arahan pada skrin untuk meneruskan

(Untuk visualisasi atau langkah untuk Perbankan Dalam Talian HLB Connect, sila rujuk [Halaman Pay&Save](#))

8. Adakah terdapat had penukaran mata wang asing dalam Pay&Save?

Ya, had harian **bersamaan Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)** ditetapkan untuk sebarang penukaran mata wang asing melalui HLB Connect, yang merangkumi:

- MYR kepada Mata Wang Asing
- Mata Wang Asing kepada Mata Wang Asing
- Mata Wang Asing kepada MYR

Bagi pemegang akaun dengan Pinjaman Ringgit Domestik, perkara di atas adalah tertakluk pada had tahunan mata wang asing **bersamaan Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000)** bagi setiap individu.

9. Apakah kadar pertukaran asing untuk menukar MYR saya kepada mata wang asing?

Anda perlu log masuk ke HLB Connect anda dan klik pada **Deposit Mata Wang Asing**. Kemudian pilih mata wang yang anda ingin tukar dan kadar pertukaran akan dipaparkan secara automatik.

10. Bagaimanakah cara saya mengawasi simpanan mata wang asing saya dalam Pay&Save saya?

Anda boleh memantau simpanan dan perbelanjaan mata wang asing anda melalui HLB Connect. Butiran juga tersedia dalam penyata akaun bulanan anda.

11. Adakah saya akan mendapat nombor akaun yang berbeza jika saya mempunyai lebih daripada 1 mata wang asing dalam Pay&Save saya?

Tidak. Hanya akan ada SATU nombor akaun Pay&Save.

12. Mengapa saya tidak boleh menukar MYR kepada mata wang asing apabila saya mempunyai Pay&Save?

- Hanya Pay& Save individu dibenarkan untuk membuat penukaran. Pemegang akaun bersama dan Pemilik Tunggal tidak layak untuk mendayakan Ciri Pelbagai Mata Wang.
- Pastikan akaun Pay&Save anda dibenarkan untuk mengurus niaga, untuk menyemak:
Langkah 1: Log masuk ke **Perbankan Mudah Alih HLB Connect** dan klik pada **Menu**
Langkah 2: Klik pada **Tetapan Akaun & Had Transaksi**, kemudian pilih **Tetapan Akaun**
Langkah 3: Pilih **Pay&Save**, kemudian klik pada **Lihat & Transaksi**

Mengurus kad anda

13. Saya akan melancong ke luar negara. Apakah yang perlu saya lakukan untuk perjalanan Kad Debit-i ("Kad Debit") yang lancar?

Untuk persediaan pelancongan, sila pastikan anda:

- **Memaut Kad Debit anda kepada Pay&Save anda**
Langkah 1: Log masuk ke **Perbankan Mudah Alih HLB Connect** dan klik pada **Akaun Pay&Save**
Langkah 2: Klik pada **KAD** di bahagian atas halaman
Langkah 3: Pilih **Pautan Kad Debit** (tidak tersedia jika anda telah memautkan)
- **Terdapat dana mata wang asing yang mencukupi dalam Pay&Save anda**
Langkah 1: Log masuk ke **Perbankan Mudah Alih HLB Connect** dan klik pada **Menu**, kemudian klik pada **Deposit Mata Wang Asing**
Langkah 2: Pilih mata wang yang anda ingin tukar dan masukkan amaun
(Untuk visualisasi atau langkah untuk Perbankan Dalam Talian HLB Connect, sila rujuk [Halaman Pay&Save](#))

Perlu diingatkan bahawa had harian adalah dalam MYR dan anda harus mempertimbangkan

mata wang asing yang anda belanjakan semasa mengemas kini Had Baharu.

- **Mengaktifkan Pembelian Runcit Luar Negara dan/atau Pengeluaran Luar Negara**

Langkah 1: Log masuk ke **Perbankan Mudah Alih HLB Connect** dan klik pada **Pay&Save**

Langkah 2: Klik pada **Kad** di bahagian atas halaman

Langkah 3: Klik pada **Tetapan Luar Negara**

Langkah 4: Klik togol ke kanan untuk membolehkan **Pembelian Runcit Luar Negara dan/atau Pengeluaran Luar Negara**

- **Tetapkan had transaksi Kad Debit yang mencukupi untuk perbelanjaan luar negara anda**

Langkah 1: Log masuk ke **Perbankan Dalam Talian HLB Connect**

Langkah 2: Klik pada **Perkhidmatan Lain** daripada **Menu Utama**

Langkah 3: Pada modul **Kad Debit/ATM**, sila pilih **Had Transaksi Kad**

Langkah 4: Mengenai **Pembelian Runcit (Tempatan & Luar Negara)**, sila masukkan **Had Kekal** baharu

Anda juga boleh kunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB untuk mendapatkan bantuan mengenai perkara di atas.

14. Bagaimana cara untuk menyekat Kad Debit saya dengan segera apabila ia hilang atau dicuri?

Langkah 1: Log masuk ke **Perbankan Mudah Alih HLB Connect** dan klik pada **Pay&Save**

Langkah 2: Klik pada **KAD** di bahagian atas halaman

Langkah 3: Klik pada **Laporkan HILANG/CURI**

Sebagai alternatif, anda boleh memaklumkan HLISB dengan segera di talian 03-7626 8899.

Berbelanja dengan Kad Debit di luar negara

15. Bolehkah saya membayar dengan mata wang asing menggunakan Kad Debit saya?

Ya, apabila anda melancong ke luar negara atau membeli-belah dalam talian, anda boleh membayar menggunakan mata wang asing yang disimpan dalam Pay&Save anda dengan kadar pertukaran terkunci untuk mengelakkan kadar berbeza dikenakan. Sila pastikan anda telah:

- Memautkan Kad Debit anda kepada Pay&Save anda; dan
- Mengaktifkan Kad Debit anda untuk perbelanjaan luar negara

16. Adakah sebarang caj akan dikenakan jika saya berbelanja dalam mata wang asing menggunakan Kad Debit saya?

Tiada yuran atau caj akan dikenakan jika anda mempunyai baki mata wang asing yang mencukupi. Jika tidak, anda masih boleh membelanjakan wang dengan yuran penukaran dan/atau yuran transaksi (Klik [di sini](#) untuk butiran lanjut).

17. Mengapa saya tidak dapat melihat sejarah transaksi yang baru saya buat dalam mata wang asing?

Urus niaga Kad Debit akan ditunjukkan dalam halaman sejarah transaksi Pay&Save anda dalam masa tiga (3) hari dari tarikh transaksi atau apabila transaksi telah diproses. Untuk melihat transaksi Kad Debit perbelanjaan luar negara anda dalam masa nyata:

Langkah 1: Log masuk ke **Perbankan Mudah Alih HLB Connect** dan klik pada tajuk **Pay&Save** anda

Langkah 2: Klik pada **Kad**

18. Isu dengan had transaksi: Saya menerima mesej yang memberitahu saya bahawa transaksi ditolak "disebabkan melebihi had". Apa yang boleh saya lakukan?

Nampaknya anda telah melebihi had transaksi anda, sila tingkatkan had anda melalui Perbankan Dalam Talian HLB Connect ([Lihat di sini untuk panduan langkah demi langkah](#)).

19. Jika saya mempunyai mata wang CNH, bolehkah saya mengeluarkan dan membelanjakan wang tersebut semasa saya berada di Tanah Besar China?

Tidak. CNH merujuk kepada Yuan China yang didagangkan di luar Tanah Besar China (pasaran luar pesisir). CNY merujuk kepada Yuan China yang didagangkan di Tanah Besar China (pasaran darat).

20. Saya mempunyai THB dan SGD, bolehkah saya menggunakan Perbankan Mudah Alih HLB Connect untuk Pembayaran QR di Thailand dan Singapura?

Ya, anda boleh. Walau bagaimanapun, dana akan diambil daripada Pay&Save akaun MYR anda dan kadar pertukaran adalah terpakai. Jika anda mempunyai THB atau SGD dalam Pay&Save anda dan ingin membayar menggunakan simpanan mata wang asing, anda boleh membayar menggunakan Kad Debit anda (Rujuk S13 untuk perjalanan Kad Debit yang lancar).

Mengeluarkan mata wang asing dengan Kad Debit

21. Bolehkah saya mengeluarkan mata wang asing secara tunai semasa saya berada di luar negara?

Ya. Jika anda mempunyai mata wang asing dalam Pay&Save anda, anda boleh mengeluarkan wang dari mana-mana ATM Visa PLUS/Mastercard Cirrus di luar negara. Sila pastikan anda telah:

- Membolehkan Kad Debit anda untuk pengeluaran luar negara; dan
- Memilih Akaun Semasa atau Semakan semasa mengeluarkan wang.

22. Adakah sebarang fi & caj dikenakan untuk pengeluaran ATM di luar negara?

Yuran pengeluaran luar negara melalui Visa PLUS/Mastercard Cirrus ialah RM12 (dalam Mata Wang Asing Setara yang tetap) atau 2% daripada jumlah pengeluaran, yang mana lebih tinggi.

23. Bolehkah saya mengeluarkan mata wang asing secara tunai daripada ATM di Malaysia?

Tidak, mata wang asing hanya boleh dikeluarkan secara tunai di ATM Visa PLUS/Mastercard Cirrus di luar negara. Pengeluaran ATM di Malaysia hanya akan mengeluarkan Ringgit Malaysia dan akan ditolak daripada Akaun MYR anda.

24. Apakah had pengeluaran ATM saya?

Untuk melihat had anda, sila lawati Perbankan Dalam Talian HLB Connect

Langkah 1: Log masuk ke **Perbankan Dalam Talian HLB Connect**

Langkah 2: Klik pada **Perkhidmatan Lain** daripada **Menu Utama**

Langkah 3: Pada modul **Kad Debit/ATM**, pilih **Had Transaksi Kad**

Menghantar/menerima/memindahkan mata wang asing

25. Bolehkah saya menerima mata wang asing ke dalam Pay&Save saya?

Ya, anda boleh menerima melalui pemindahan telegraf SWIFT **HLIBMYKL** tanpa penukaran atau bayaran ke dalam simpanan mata wang asing anda. Sila pastikan anda telah:

- memberikan nombor akaun Pay&Save anda (tiada nombor akaun lain diperlukan); dan
- mengaktifkan mata wang asing dalam Pay&Save anda. Jika tidak, mata wang asing akan ditukar kepada MYR.

Contoh : Ibu saudara anda di Australia ingin menghantar AUD500 kepada anda sebagai hadiah perkahwinan

Pay&Save dengan AUD	Menerima mata wang
Ya	AUD500
Tidak	MYR bersamaan dengan AUD500

26. Bolehkah saya menghantar mata wang asing ke dalam akaun luar negara?

Ya, anda boleh. Begini caranya:

- Kunjungi cawangan HLISB/HLB dan lakukan Pemindahan Telegraf Keluar; ATAU
- Log masuk ke **Perbankan Dalam Talian HLB Connect**, klik pada **Bayar & Transaksi** dari **Menu Utama**, pilih **Pindahan Luar Negara** dan ikut arahan pada skrin untuk teruskan.
- Sebelum melakukan transaksi, sila pastikan bank penerima menerima transaksi dalam mata wang asing tersebut untuk mengelakkan penolakan dan yuran pemprosesan.

27. Bolehkah saya menandatangani cek mata wang asing ke dalam Pay&Save saya tanpa sebarang penukaran?

Ya, anda boleh deposit cek mata wang asing SGD, USD, CAD dan/atau EUR di kaunter dan ia akan dikreditkan ke dalam akaun Pelbagai Mata Wang anda setelah pelepasan cek. Sila pastikan anda telah mengaktifkan mata wang asing dalam Pay&Save anda. Jika tidak, mata wang asing tersebut akan ditukar kepada MYR.

28. Bolehkah saya memindahkan simpanan mata wang asing Pay&Save saya ke akaun lain?

Ya, anda boleh memindahkan antara Pay&Save anda dan Akaun Mata Wang Asing HLB.

PERINGATAN:

Operasi, sumber dan penggunaan dana ke dan dari Akaun MCF Enabled hendaklah dikawal selaras dengan Akaun Pelaburan Mata Wang Asing ("IFCA") di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing ("Notis FEP") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Soalan Lazim ini, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my

Ahli PIDM. Akaun Hong Leong Pay&Save-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit.